

3 **maut** terpaksa

Kereta dinaiki 5 sahabat termasuk dua beradik terbabas sebelum berpusing beberapa kali

JERTIH: "Sebaik keluar dari kenderaan, saya menghampiri keempat-empat rakan yang tercampak keluar untuk mengajar mereka mengucap, tetapi malangnya tiga daripada mereka sudah tidak bernyawa," kata Mohd Fakhruhanif Zainuddin, 26, yang kehilangan tiga rakan yang tercampak keluar selepas kereta mereka naiki terbabas dan berpusing beberapa kali, semalam.

Dalam kejadian di hadapan Balai Polis Jertih, Kilometer 1 Jalan Jertih-Pasir Puteh di sini, pada jam 4.30 pagi itu, Nazir Nazmi, 20, serta dua beradik, Nik Muhamad Firdaus Suhaimi @ Rahmat, 24, dan Nik Muhamad Faris, 19, yang duduk di tempat duduk belakang maut akibat parah di kepala dan badan berikutan tercampak keluar daripada Perodua Myvi yang mereka dinaiki.

Nazir yang baru dua bulan menyertai Tentera Udara Diraja Malaysia pulang bercuti di kampungnya di Kampung Alur Jejawi, Kuala Besut, dekat sini, Jumaat lalu dan sepatutnya pulang ke pangkalannya di Subang, hari ini.

Pemandu yang juga pemilik kereta terbabit, Wan Muhamad Shafiq Md Zin, 20, patah kaki kanan selepas dia juga tercampak keluar dan terjatuh ke dalam longkang manakala Mohd Fakhruhanif yang duduk di depan, hanya cedera ringan di lengan.

Menurut Mohd Fakhruhanif, sebelum kejadian mereka berlima minum di sebuah kedai di Kampung Padang Luas di sini, dan bertolak pulang ke rumah masing-masing di Kampung



REMUK
...pegawai penyiasat trafik memeriksa kereta yang terbabit dalam kemalangan di hadapan Balai Polis Jertih.



NIK FIRDAUS

NIK FARIS

NAZIR

2 anak hilang sekelip mata

JERTIH: "Nik Muhamad Faris tidak pernah keluar malam, tetapi entah kenapa malam tadi (semalam) dia tergerak keluar dengan abangnya, Nik Muhamad Firdaus," kata ibunya Shamsiah Mat, 47.

Katanya, dia amat terkejut apabila mendapat berita Nik Muhamad Faris dan abangnya antara tiga yang terbunuh dalam kemalangan itu.

"Saya tidak menyangka dalam sekelip mata dua anak kesayangan hilang dalam keluarga kami," katanya.

Shamsiah berkata, suaminya Suhaimi Rahmat, 50, yang tiada di rumah ketika kejadian kerana membawa lori ikan ke Kedah dan pulang pagi semalam.

Katanya, berlainan dengan Nik Muhamad Faris, abangnya, Nik Muhamad Firdaus, sering keluar bersama rakan, tetapi tidak menunjukkan kelainan sebelum kejadian.

Sementara itu, rakan mangsa yang terselamat, Mohd Fakhruhanif berkata ketika mereka minum di

sebuah kedai di Kampung Padang Luas dan berbual, dia melihat wajah rakaninya, Nazir Nazmi kelihatan lemah dan pucat.

Katanya, dia terkejut melihat keadaan muka anggota Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) itu yang secara tiba-tiba kelihatan pucat dan berdiam diri ketika mereka berbual.

"Sebaik membayar harga semua minuman kami, Nazir tiba-tiba meminta halal makan dan minum dengan saya," katanya.

Alur Jejawi, Kuala Besut, jam 3.40 pagi.

Bagaimanapun, katanya setiba di persimpangan lampu isyarat Kampung Seberang Jertih di hadapan Masjid Ulul Albab, kereta dipandu Wan Muhamad Shafiq hilang kawalan dipercayai kerana jalan di situ berpasir dan licin.

"Saya terkejut apabila kereta dinaiki terbabas dan terbalik beberapa kali sehingga tersangkut di longkang dan pintu pagar Balai Polis Jertih.

"Wan Muhamad Shafiq cuba mengelak tiang elektrik dan papan tanda, tetapi gagal menyebabkan kereta terbabas dan berpusing beberapa kali.

"Hanya saya masih ada dalam kereta manakala empat rakan lain tercampak keluar," katanya ketika ditemui di Balai Polis Jertih, semalam.

Menurutnya, dia menendang pintu kereta untuk keluar dan menghampiri rakaninya, tetapi tiga daripada mereka sudah tidak bernyawa.

Mohd Fakhruhanif berkata, hanya Wan Muhamad Shafiq masih sedar ketika itu dan dia dibawa ke Hospital Besut di sini, bagi mendapatkan rawatan.

Jenazah ketiga-tiga mangsa dituntut keluarga masing-masing dan dikebumikan di Tanah Perkuburan Islam Kuala Besut, dekat sini, semalam.

Sementara itu, Ketua Polis Daerah Besut, Superintendan Kamaruddin Mohd Zakaria ketika dihubungi berkata, kejadian dipercayai berlaku apabila pemandu kereta terbabit gagal mengawal kenderaannya sebaik melepasi lampu isyarat di persimpangan Kampung Seberang Jertih, di sini, menyebabkan kereta itu terbabas.